

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 2 DISEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 25

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1543-L14948
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah keseluruhan dan perincian kos yang telah ditanggung oleh Kerajaan Malaysia bagi penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN ke-47, serta langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan perbelanjaan tersebut dilaksanakan secara berhemah, telus dan memberikan pulangan ekonomi kepada negara.

2. PN-1543-L15195
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah kaedah *Co-Teaching* yang dicadangkan dapat menyelesaikan kekurangan guru untuk sesetengah subjek dan juga isu kekurangan guru di Sarawak.

3. PN-1543-L15279
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah dan pelan tindakan Kerajaan bagi memperluas pelaksanaan Program Kampung Digital secara menyeluruh di seluruh negara dengan keutamaan kepada kawasan luar bandar khususnya Daerah Baling.

4. PN-1543-L14997
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh mana pelaksanaan inisiatif digitalisasi pemantauan harga melalui aplikasi PriceCatcher di Sabah, termasuk jumlah pasar raya dan premis yang telah berdaftar, keberkesanan aplikasi dalam menstabilkan harga barangan asas, serta perancangan peluasannya ke seluruh daerah menjelang 2026.

5. PN-1543-L15485

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah strategik jangka sederhana dan panjang yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian bagi memastikan aspek kesihatan, kebajikan dan kesejahteraan warga emas terus diberi keutamaan dalam menghadapi realiti Malaysia sebagai negara menua dan negara tua.

6. PN-1543-L15165

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) berapakah penjimatan fiskal yang telah dicapai oleh Kerajaan hasil pelaksanaan subsidi bersasar BUDI95 selepas sebulan program ini dilancarkan, dan adakah penjimatan tersebut mencapai sasaran yang ditetapkan; dan
- (b) bagaimana penjimatan ini akan disalurkan semula kepada sektor-sektor utama seperti kesihatan, pendidikan dan pembangunan negara.

7. PN-1543-L15219

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) langkah-langkah baharu yang diambil bagi mengatasi kelemahan penguatkuasaan perintah nafkah anak di Mahkamah Syariah; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang menubuhkan tabung nafkah sementara bagi membantu ibu tunggal sebelum perintah mahkamah dikuatkuasakan sepenuhnya.

8. PN-1543-L14946

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil dalam mempertingkatkan dan memperkukuhkan keselamatan di sekolah bagi mengelak ancaman buli dan ugutan daripada terus berlaku dengan menjadikan tragedi Zara Qairina sebagai satu pengajaran.

9. PN-1543-L15075

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan kerangka etika dan regulasi yang sedang dibangunkan Kementerian untuk mengawal penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam sektor awam dan swasta termasuk isu privasi data, pekerjaan yang bakal tergugat dan risiko penyalahgunaan teknologi.

10. PN-1543-L15345

Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaikkan peruntukan bagi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) serta mempertimbangkan untuk memberikan elaun kepada Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

11. PN-1543-L15157

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan rancangan menaik taraf kem dan pos kawalan di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan dan status terkini yang dinaik taraf.

12. PN-1543-L14906

Senator Datuk Anna Belle @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kerajaan merancang untuk menawarkan kursus pengajian sarjana muda undang-undang di Institut Pengajian Tinggi Awam di Sabah dan Sarawak agar pelajar tidak perlu merantau ke Semenanjung Malaysia untuk mengikuti kursus tersebut, seterusnya pusat kajian undang-undang juga boleh diwujudkan bagi memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

13. PN-1543-L15410

Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perancangan Kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan untuk memberi keutamaan kepada pembinaan kemudahan sukan seperti gelanggang futsal di perkampungan Orang Asli, memandangkan kemudahan tersebut menjadi medium penting dalam pembangunan belia, pembentukan sahsiah, penglibatan komuniti serta pencegahan gejala sosial.

14. PN-1543-L15501

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah intervensi Kementerian untuk memastikan Pelan Dasar Nasional Penjagaan Warga Emas Jangka Panjang bukan sahaja tersedia tetapi juga dikemas kini secara berskala, agar taraf kualiti penjagaan warga emas setanding amalan terbaik antarabangsa, tanpa membebankan sistem kesihatan awam atau kewangan keluarga.

15. PN-1543-L15463
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat untuk memberikan tajaan penuh kepada pelajar OKU yang layak melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana *Master* dan Doktor Falsafah (PhD), bagi membolehkan golongan ini turut menyumbang kepada pembangunan ilmu, kemajuan negara dan kestabilan ekonomi.
16. PN-1543-L14845
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah strategi jangka panjang Kerajaan dalam menangani fenomena *information disorder*, termasuk penyebaran maklumat palsu dan propaganda politik berasaskan algoritma media sosial.
17. PN-1543-L14774
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang memerintahkan Kerajaan Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) membayar lebih RM3 juta kepada isteri aktivis Amri Che Mat, serta langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan akauntabiliti terhadap kegagalan siasatan yang dinyatakan oleh mahkamah; dan
 - (b) sama ada Kementerian telah mengarahkan siasatan semula dijalankan secara bebas dan telus sebagaimana diperintahkan oleh mahkamah, dan sejauh mana perkembangan laporan kepada Jabatan Peguam Negara.
18. PN-1543-L15191
Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jenis produk dan perkhidmatan utama yang ditawarkan oleh bank-bank digital di Malaysia pada masa ini, dan sejauh manakah produk-produk tersebut benar-benar membantu golongan berpendapatan rendah (B40) dalam mendapatkan akses kepada kemudahan kewangan yang lebih mudah.
19. PN-1543-L15067
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan perkara seperti yang berlaku dalam kes Rusidah Sabdarin & Ors vs Mohd Jamal Jamaran & Ors, dimana guru bahasa Inggeris tidak hadir selama tujuh bulan pada tahun 2017, tidak berulang.

20. PN-1543-L14886

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah persediaan Kerajaan dalam menghadapi musim banjir, termasuk tahap kesiapsiagaan aset serta penyelarasan antara agensi bagi memastikan tindak balas yang pantas dan berkesan semasa berlakunya bencana.

21. PN-1543-L15113

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana usaha dan tindakan yang dilakukan Kementerian bagi membasmi sepenuhnya isu 2 Kerakyatan Malaysia-Thailand yang dibimbangi disalah guna oleh individu dan kumpulan jenayah terancang.

22. PN-1543-L14939

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk memperkenalkan semula mata pelajaran sivik dan memasukkan sukatan pelajaran antirasuah di peringkat sekolah rendah dan menengah serta menjadikan satu mata pelajaran wajib untuk lulus dalam peperiksaan yang diadakan di mana-mana peringkat.

23. PN-1543-L15471

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah pelaburan telah disalurkan kepada startup tempatan dalam sektor teknologi tinggi seperti AI, tenaga bersih, bioteknologi dan digital, berapa peratus daripadanya yang berjaya berkembang secara mampan; dan
- (b) apakah mekanisme Kerajaan untuk memastikan dana tersebut benar-benar meningkatkan inovasi, kebolehpasaran, dan daya saing *startup* Malaysia di peringkat global.

24. PN-1543-L15368

Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan bersedia menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat secara menyeluruh terhadap kes kehilangan secara paksa melibatkan Pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat seperti yang dinyatakan oleh Mahkamah Tinggi; dan
- (b) adakah Kerajaan bersedia meratifikasi Konvensyen Antarabangsa bagi Perlindungan Semua Orang daripada Kehilangan yang Dipaksa (ICPPED).

25. PN-1543-L15097
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan dasar digital negara selaras dengan Dasar Ekonomi MADANI dan Pelan Induk Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital).
26. PN-1543-L15213
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan menyemak semula garis panduan sedia ada berkaitan penyajian minuman beralkohol di fasiliti pendidikan termasuk selepas waktu persekolahan selaras dengan pendirian Perdana Menteri yang menegaskan larangan terhadap sebarang aktiviti sedemikian di kawasan sekolah.
27. PN-1543-L15094
Senator Dato' Leong Ngah Ngah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan perancangan Kerajaan untuk membantu golongan peruncit atau peniaga kecil yang terkesan dengan inisiatif Jualan Rahmah, MyKasih dan MySara.
28. PN-1543-L15421
Senator Dato' Wu Him Ven minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pemohon Bumiputera dan bukan Bumiputera yang memohon kemasukan ke universiti awam melalui sistem UPU mengikut pecahan tahun 2020 hingga 2025, serta pecahan mengikut universiti dan jumlah yang berjaya ditawarkan tempat pengajian.
29. PN-1543-L14992
Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan memandangkan Mahkamah Tinggi Sabah pada tahun 2025 telah mengarahkan supaya formula pengiraan 40 peratus hasil bersih Sabah didedahkan semula, bilakah Kerajaan akan membentangkan laporan rasmi berkenaan kaedah pengiraan tersebut berserta butiran kutipan, perbelanjaan dan pulangan bersih antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri di Parlimen.
30. PN-1543-L15133
Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk meningkatkan perkhidmatan pusat sokongan psikososial bagi wanita dan remaja luar bandar di negeri Perlis.

31. PN-1543-L15149

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha menangani kekurangan guru *opsyen* di sekolah pedalaman Sarawak.

32. PN-1543-L14908

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penjelasan berkenaan peruntukan khusus dalam Belanjawan 2026 untuk meningkatkan keberkesanan subsidi bersasar di kawasan bandar padat seperti Petaling Jaya, Subang Jaya, Ampang dan Klang.

33. PN-1543-L14704

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan Persekutuan untuk memperkukuh mekanisme penyelarasan dasar dan pelaksanaan program antara peringkat persekutuan dan negeri, supaya tidak berlaku pertindihan fungsi serta bagi meningkatkan kecekapan penyampaian kepada rakyat.

34. PN-1543-L15450

Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah-langkah dan inisiatif yang telah serta sedang diambil oleh Kementerian dalam menangani isu dan cabaran berkaitan proses pendaftaran kad OKU, bagi memastikan ia dapat dilaksanakan dengan lebih cekap, menyeluruh dan menepati keperluan sebenar golongan OKU di seluruh negara.

35. PN-1543-L15239

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan sejauh mana kerjasama antara SKMM dan penyedia perkhidmatan telekomunikasi (telco) telah ditingkatkan bagi menambah baik infrastruktur menara komunikasi dan liputan 4G serta 5G di kawasan luar bandar seperti di Hulu Selangor.

36. PN-1543-L15072

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia membuat pindaan kepada Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan, bagi memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman membuat cadangan pelantikan hakim secara langsung kepada Majlis Raja-raja dan bukan melalui Perdana Menteri.

37. PN-1543-L14956

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan punca utama peningkatan ketara penglibatan golongan belia dalam penyalahgunaan dadah, serta langkah intervensi segera yang sedang dan akan dilaksanakan untuk mengekang angka ini daripada terus meningkat dan sejauh mana keberkesanan program pencegahan dan pemulihan sedia ada.

38. PN-1543-L15300

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah yang diambil untuk memastikan penggunaan bahasa dalam media, sama ada media Kerajaan atau media swasta, mematuhi Dasar Bahasa Kebangsaan, dengan mengutamakan penggunaan bahasa negara serta mengawal mutu bahasa daripada segi aturan dan adab berbahasa.

39. PN-1543-L15238

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah holistik yang diambil oleh Kementerian, melalui DBKL dan agensi berkaitan, bagi menangani kegiatan ulat jurugambar yang banyak melibatkan warga asing di kawasan pelancongan seperti KLCC dan Pintasan Saloma, demi memelihara imej Kuala Lumpur sebagai bandar raya pelancongan bertaraf dunia.

40. PN-1543-L15293

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tahap terkini penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar ilmu tinggi di IPT berdasarkan sasaran Kerajaan yang menetapkan tahun 1983 sebagai permulaan bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar utama di IPT secara keseluruhan, khususnya bagi kursus-kursus STEM.

41. PN-1543-L15175

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) sama ada berlaku perbezaan layanan dalam kelulusan pengambilan pekerja asing bagi sektor restoran, khususnya apabila pengusaha restoran India dan restoran nasi kandar tidak dipertimbangkan untuk mendapat kelulusan bagi mengambil pekerja baharu; dan
- (b) jika benar berlaku, apakah rasional bagi dasar tersebut.

42. PN-1543-L14902

Senator Datuk Anna Belle @ Suzieana binti Perian minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menganjurkan apa-apa sidang antarabangsa atau program negara bertaraf antarabangsa di negeri Sabah dan Sarawak pada masa hadapan untuk lebih mempromosikan negeri Sabah dan Sarawak serta keluar daripada kebiasaan penganjuran di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

43. PN-1543-L14834

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah konkrit Kementerian dalam memastikan hasil penyelidikan universiti diterjemahkan kepada *commercial output* yang menyumbang secara langsung kepada KDNK negara.

44. PN-1543-L14797

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada kediaman kuarters polis akan dinaik taraf pada satu tempoh yang ditetapkan atau dinaik taraf mengikut keperluan sahaja, serta sama ada pengurusan kuarters tersebut dijalankan oleh pihak polis atau pihak swasta.

45. PN-1543-L14697

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah konkrit Kerajaan dalam memperkukuh integriti dan tadbir urus awam, memandangkan isu rasuah dan ketelusan dilihat sebagai cabaran yang berterusan.

46. PN-1543-L15081

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kadar penceraian dalam kalangan kaum India dan apakah langkah-langkah yang disediakan oleh Kementerian untuk membantu ibu-ibu tunggal yang terkesan dengan isu ini.

47. PN-1543-L15357

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penerangan yang jelas kepada Dewan berhubung kes anggota GISBH yang kesemua anggotanya telah dibebaskan baru-baru ini.

48. PN-1543-L15010
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah hala tuju dan sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk Komunikasi Komuniti (J-KOM), serta sejauh manakah keberhasilan atau pencapaian semasa pihak J-KOM.
49. PN-1543-L14907
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Belanjawan 2026 akan menyokong negeri-negeri maju seperti Selangor dalam mengekalkan kedudukan sebagai penyumbang terbesar KDNK negara, termasuk insentif untuk menarik pelaburan berteknologi tinggi ke koridor industri seperti Shah Alam, Klang dan Serendah.
50. PN-1543-L14755
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Rohingya yang sudah berada di Malaysia supaya mereka diberikan penjagaan kesihatan yang sempurna dan anak-anak mereka mendapatkan pendidikan yang sewajarnya.
51. PN-1543-L14860
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pelan komprehensif Kerajaan bagi mengekang jenayah penyeludupan dadah yang masih berleluasa dari negara Thailand ke negeri Kelantan terutamanya melalui Jajahan Tumpat.
52. PN-1543-L15263
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memastikan keselamatan dan perlindungan data peribadi pengguna pada platform yang dikendalikan syarikat yang berpangkalan di luar negara.
53. PN-1543-L15315
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) status terkini pembayaran pampasan kepada penduduk Kampung Sungai Baru yang menolak projek pembangunan di kawasan tersebut; dan
 - (b) mekanisme pemulihan sosial dan ekonomi yang dirangka Kerajaan untuk memastikan komuniti yang terjejas tidak mengalami kerugian jangka panjang.

54. PN-1543-L14764

Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan langkah Kementerian untuk memperkasa program perpaduan berasaskan nilai bersama (*shared values*) agar masyarakat Malaysia dapat menghayati unsur-unsur sebagaimana yang digariskan dalam gagasan Malaysia MADANI bagi mengatasi gejala polarisasi kaum dan agama dalam masyarakat.

55. PN-1543-L15513

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pelan jangka panjang Kementerian dalam memperkasa pendidikan Orang Asli menjelang 2030.

56. PN-1543-L15358

Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan jelas mengenai respons halal JAKIM dalam perjanjian Timbal Balik (ART) Malaysia dan Amerika Syarikat yang secara langsung terkesan dengan klausa 7.2 dalam Technical Barrier To Trade (TBTT) dan 11.1 (Halal Streamlining).

57. PN-1543-L15274

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan data terkini mengenai jumlah penempatan guru baru, mata pelajaran terlibat, perpindahan guru lama secara sukarela, serta jumlah kekosongan yang telah dipenuhi khususnya di Sabah dan Sarawak.

58. PN-1543-L15116

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kajian unjuran bilangan serta impak ekonomi dan kesan kenaikan harga pengguna ekoran industri berkaitan besi, logam dan tenaga yang mengeluarkan pelepasan gas industri seperti karbon dioksida untuk dikenakan cukai karbon di bawah kerangka percukaian negara yang baharu yang dijadualkan untuk dilaksanakan pada tahun 2026 .

59. PN-1543-L14850

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah bersepadu yang telah diambil oleh Kerajaan dalam menyelesaikan isu nafkah yang sengaja tidak dibayar oleh bekas suami kepada bekas isteri walaupun telah mendapat perintah oleh Mahkamah Syariah.

60. PN-1543-L14707
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status kajian pelaksanaan bagi cadangan memasukkan kategori etnik Sabah dan Sarawak bagi menggantikan dan lain-lain.
61. PN-1543-L14885
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan jumlah keseluruhan perbelanjaan Kerajaan bagi penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN yang telah diadakan baru-baru ini, serta manfaat langsung yang diterima oleh Malaysia hasil daripada penganjuran tersebut.
62. PN-1543-L15349
Senator Dr. Jufitri bin Joha minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan bagi meningkatkan ketelusan proses perolehan Kerajaan termasuk penggunaan sistem e-Perolehan terbuka *open contracting*.
63. PN-1543-L14773
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
(a) pecahan utama penggunaan peruntukan RM21.18 bilion ini, contohnya untuk pengukuhan sempadan, teknologi penguatkuasaan, latihan anggota atau kebajikan; dan
(b) bagaimana Kementerian memastikan peruntukan tersebut menjangkau kawasan luar bandar dan kawasan sempadan yang paling terdedah.
64. PN-1543-L15447
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
(a) berapakah jumlah keseluruhan pekerja OKU yang telah diserap bekerja dalam sektor awam, swasta dan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) setakat November 2025, serta menjelaskan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi memperluas peluang pekerjaan kepada golongan OKU di semua Kementerian, agensi Kerajaan dan sektor swasta bagi mencapai minimum 1 peratus pengambilan pekerja OKU; dan

- (b) apakah mekanisme pemantauan yang dilaksanakan untuk memastikan dasar tersebut dipatuhi, dan status pelaksanaan dasar 1 peratus pengambilan OKU dalam sektor awam, termasuk perancangan menjadikan dasar tersebut sebagai peruntukan undang-undang di bawah Akta Kerja 1955 atau mana-mana akta berkaitan.
65. PN-1543-L15199
Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bentuk saluran dalam menyalurkan peruntukan kewangan kepada Kerajaan Negeri sepanjang tempoh pentadbiran Kerajaan MADANI.
66. PN-1543-L14901
Senator Datuk Anna Belle @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan merancang untuk mengkaji semula kadar cukai pelancongan (Tourism Tax) yang dikenakan terhadap pelancong asing agar dapat meningkatkan lagi hasil Kerajaan lebih-lebih lagi sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.
67. PN-1543-L15415
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memperkukuh penjajaran antara program TVET dan keperluan industri, khususnya dalam sektor pembuatan, logistik, dan perkhidmatan.
68. PN-1543-L14740
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah sebenar pekerja asing tanpa permit yang direkodkan, dan apakah tindakan yang diambil terhadap majikan yang menggaji pekerja tanpa permit.
69. PN-1543-L14785
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pelaburan yang telah berjaya dikendalikan di bawah program GEAR-uP sehingga Oktober dan November 2025, dan berapa banyak daripadanya telah dilaksanakan dalam sektor berteknologi tinggi.

70. PN-1543-L15233

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang mengenakan caj sebanyak RM150 bagi Pelatih Dalam Kamar yang diberi Sijil Pengecualian Peperiksaan Kelayakan Bahasa Malaysia, serta jumlah bayaran yang dikutip bagi sijil tersebut setiap tahun bagi tempoh lima tahun lepas.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|---|-----------------------------------|
| 1. | (D.R.30/2025) | Rang Undang-undang Perbekalan 2026

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 2. | (D.R.38/2025) | Rang Undang-undang Kewangan 2025

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 3. | (D.R.39/2025) | Rang Undang-undang Langkah-Langkah
bagi Pemungutan, Pentadbiran dan
Penguatkuasaan Cukai 2025

[Menteri Kewangan] | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 4. | *(D.R.32/2025) | Rang Undang-undang Keselamatan Sosial
Pekerja (Pindaan) 2025

[Menteri Sumber Manusia] | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 5. | *(D.R.33/2025) | Rang Undang-undang Sistem Insurans
Pekerjaan (Pindaan) 2025

[Menteri Sumber Manusia] | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 6. | *(D.R.35/2025) | Rang Undang-undang Pembangunan
Kemahiran Kebangsaan (Pindaan) 2025

[Menteri Sumber Manusia] | Bacaan Kali
Yang Kedua |

7. *(D.R.34/2025) Rang Undang-undang Tabung Pembangunan Kemahiran (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Sumber Manusia]**
8. *(D.R.37/2025) Rang Undang-undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) (No.2) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Jabatan Perdana Menteri]**
9. *(D.R.36/2025) Rang Undang-undang Rukun Tetangga (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Perpaduan Negara]**
10. *(D.R.40/2025) Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Komunikasi]**

*Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.